

Article Info:

Published Date: 22 April 2024

*Corresponding Author: nurazianti00@gmail.com

Animasi terhadap kesedaran gejala buli dalam kalangan Murid Prasekolah

Animation against bullying symptoms awareness among Preschool Students

Nor Azianti Norharisham

Sekolah Menengah Kebangsaan Air Itam, Jalan Thean Teik 11500, Georgetown, Pulau Pinang, Malaysia

To cite this article (APA): Norharisham, N. A. (2024). Animation against bullying symptoms awareness among Preschool Students. *KUPAS SENI*, 12(1), 64–73. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol12.1.8.2024>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol12.1.8.2024>

ABSTRAK

Murid sekolah lebih terdedah dengan perkembangan teknologi yang kian canggih dari semasa ke semasa. Perkembangan teknologi ini banyak mendatangkan impak yang positif terhadap kehidupan seharian murid sekolah. Penggunaan animasi merupakan antara alternatif dan usaha yang diambil untuk memberi kesedaran kepada murid prasekolah tentang bahaya gejala buli. Animasi merupakan elemen yang mempunyai daya tarikan yang tinggi terhadap kanak-kanak sehingga ianya dapat mempengaruhi pemikiran kanak-kanak. Animasi bermaksud memberi nyawa kepada sesuatu imej atau dengan cara yang mudah ianya berfungsi untuk menambahkan ilusi dalam sesuatu imej supaya kelihatan bergerak. Oleh itu, pada era dunia yang serba canggih terutamanya dalam bidang teknologi penggunaan animasi sangat sesuai digunakan untuk mendidik dan memberi kesedaran kepada murid sekolah rendah tentang gejala buli. Di samping itu, sejak dahulu lagi, gejala buli sering berlaku dalam kalangan murid sekolah tidak kira sekolah rendah atau sekolah menengah malah ia juga berlaku dalam kalangan murid prasekolah. Masalah ini hendaklah dibendung dan diberi perhatian sejak mereka kecil lagi bak kata pepatah, melentur buluh biarlah dari rebungunya. Sehubungan dengan itu, keperluan memerangi gejala buli perlulah dititikberatkan kerana ianya dapat mendidik dan menyemai sikap hormat-menghormati murid antara satu sama lain. Secara keseluruhannya, animasi merupakan faktor utama yang mempengaruhi pembentukan jati diri, pembangunan sahsiah, perkembangan kognitif dan perkembangan sosial kanak-kanak prasekolah. Oleh itu, hal ini dapat disimpulkan bahawa animasi sangat berkesan untuk membantu membendung gejala buli yang berlaku dalam kalangan murid prasekolah.

Kata Kunci: Animasi, Prasekolah, Buli, Kesedaran, Pendidikan

ABSTRACT

Humans are more exposed to the development of technology that is becoming more sophisticated from time to time. The development of this technology has a lot of positive impact on people's daily lives. The use of animation is one of the alternatives and efforts taken to raise awareness among preschoolers about the dangers of bullying. Animation is an element that has a high appeal to children so that it can influence children's thinking. Animation means to give life to an image or in a simple way it works to add an illusion in a movement so that it looks as if it is giving movement but actually it is not. Therefore, in an era of world sophistication, especially in the field of technology, the use of animation is very suitable for educating and giving awareness to primary school students about the symptoms of bullying. In addition, since time immemorial, the symptoms of bullying often occur among school students regardless of whether it is primary school or secondary school and it also occurs among preschool students. In relation to that, the need to combat the symptoms of bullying needs to be emphasized because it can educate and instill respect among students. Overall, animation is the main factor that affects the formation of identity, personality development, cognitive development and social development of preschool children. Therefore,

it can be concluded that animation is very effective in helping curb the symptoms of bullying that occur among preschoolers.

Keywords: Animation, Preschool, Bullying, Awareness, Education

PENGENALAN

Pada era masa kini, murid sekolah lebih terdedah dengan perkembangan teknologi yang kian canggih dari semasa ke semasa. Perkembangan teknologi ini banyak mendatangkan impak yang positif terhadap kehidupan seharian murid sekolah. Jaringan kemudahan komunikasi dalam pelbagai bidang seperti hiburan, perniagaan, kesihatan, pendidikan dan lain-lain pada masa kini dipengaruhi oleh 5 elemen multimedia yang saling berkait rapat antaranya animasi, video, teks, audio dan grafik. Penerapan gabungan kesemua elemen multimedia ini dapat menjadikan sesuatu media berkualiti tinggi. Animasi merupakan antara elemen multimedia yang sering digunakan secara meluas dalam semua bidang. Ramin Hajianfard dan Muhamad Firdaus Ramli (2023) menyatakan bentuk dan konsep kesedaran yang digunakan untuk menciptakan animasi diteliti untuk menunjukkan pendekatan dan kecenderungan formal dan konseptual. animasi bermaksud memberi nyawa kepada sesuatu imej. Hal ini dikatakan demikian kerana, animasi merujuk kepada proses menciptakan gambar supaya kelihatan bergerak dari koleksi imej atau gambar yang statik ditunjukkan secara berturutan. Proses ini dapat dilakukan dengan menggunakan pelbagai kaedah dan teknik seperti animasi tradisional/cel, gerakan henti *Claymation & Cut-out* dan digital (2D & 3D). Ia adalah fenomena optik di mana ilusi gerakan dicipta kerana otak mentafsir pelbagai imej pegun atau bingkai menjadi satu. Ramli (2023) melihat pembangunan diserlahkan, menekankan kesederhanaan, interaktiviti dan kebolehsesuaian mengikut keperluan individu murid sekolah. Apabila banyak imej muncul secara berturut-turut dengan pantas, otak akan mentafsirkan dan menggabungkannya menjadi satu imej yang bergerak. Justeru itu, penerapan animasi dalam pelbagai media komunikasi sangat berguna terutamanya untuk tujuan mendidik atau memberi kesedaran kepada masyarakat dari pelbagai peringkat umur.



Gambar 1: Animasi terhadap situasi gejala buli dikalangan murid prasekolah
Sumber: magmamusicfestival, (2023)

Oleh yang demikian, penggunaan animasi terhadap kesedaran gejala buli dalam kalangan murid prasekolah juga sangat berkesan kerana generasi muda masa kini lebih terdedah dan banyak meluangkan masa dengan gajet dan peranti elektronik. Gambar 1, menunjukkan gejala buli yang sering berlaku dalam kalangan murid prasekolah yang mengakibatkan mangsa buli berasa takut untuk ke sekolah. Menganalisis ciri-ciri keperluan pembelajaran golongan murid dengan mencadangkan strategi penawaran pembangunan dan penambahbaikan sistem pendidikan oleh Zhang dan Ramli (2023). Selain itu, animasi juga mempunyai daya tarikan yang tinggi untuk menarik perhatian murid prasekolah kerana animasi merupakan dunia yang sehati dengan jiwa kanak-kanak. Aktiviti menonton animasi boleh dijadikan bahan pengajaran yang berguna dalam proses pertumbuhan minda anak jika ibu bapa bijak

dan kreatif membentuk pengajaran tersirat dalam animasi yang ditonton. Ramli, Musa, Mohd Khairuddin dan Basiron (2020) untuk sebahagian besar menghasilkan gaya tersendiri melalui corak karya seni yang dimanipulasi sebaik mungkin. Hal ini jelas menunjukkan bahawa penggunaan animasi mampu memberi kesedaran kepada murid prasekolah terhadap gejala buli kerana ia dapat mempengaruhi minda kanak-kanak untuk berfikir secara rasional.

LATAR BELAKANG

Penulisan ini adalah berkaitan dengan animasi terhadap kesedaran gejala buli dalam kalangan murid prasekolah. Penggunaan elemen multimedia animasi merupakan antara alternatif atau usaha yang diambil untuk memberi kesedaran kepada murid prasekolah tentang bahaya gejala buli. Ramli (2022 a) menyatakan hala tuju pengajaran guru mempunyai kesan langsung terhadap cara murid terkesan terhadap kesejahteraan. Ini yang dilihat mempunyai pengaruh yang paling besar terhadap pembangunan dasar pendidikan. Animasi merupakan elemen yang mempunyai daya tarikan yang tinggi terhadap kanak-kanak sehingga ia dapat mempengaruhi pemikiran kanak-kanak seperti yang ditunjukkan pada gambar 2. Hal ini demikian kerana, animasi banyak menonjolkan watak dan perwatakan kartun yang comel, ceria dan mengikut peredaran masa yang seiring dengan perkembangan otak kanak-kanak prasekolah. Ramli dan Musa (2020b) pendefinisian makna animasi yang pelbagai berlaku dengan melibatkan parameter dalam psikologi, kehidupan sosial dan budaya seni visual. Oleh itu, secara tidak langsung, maklumat yang disampaikan melalui animasi akan diikuti dan diingati oleh kanak-kanak kerana otak kanak-kanak bersifat mudah terpengaruh. Tambahan pula, kanak-kanak dalam proses pembesaran menuju alam remaja mudah meniru apa sahaja yang mereka lihat dan dengar. Kajian psikologi banyak membuktikan bahawa kanak-kanak mudah terpengaruh dengan apa yang ada di sekeliling mereka.



Gambar 2: Sampel animasi buli berbentuk serangan fizikal.
Sumber: Edustoke, Kamini Narasimhan, (2018)

Gejala buli ditakrifkan sebagai perilaku atau tindakan yang bersifat merendahkan, menyakiti, menindas dan mengasari orang lain yang dianggap lemah secara fizikal atau mental Nor Junainah Mohd Isa, Mohd Sobri Ismail dan Amelia Mohd Noor (2019). Pembuli berulang kali melakukan perkara ini sehingga dia merasa seronok dan berpuas hati dengan perbuatannya. Gejala buli ini boleh berlaku di merata-rata tempat seperti di rumah, sekolah, hospital, tempat kerja, tempat awam dan merata-rata tempat di seluruh pelusuk dunia. Muhamad Firdaus, Abdul Aziz dan Nurazry (2019) menyatakan gejala dimanipulasikan dengan sebaik positif mampu mewujudkan penerimaan umum yang berbeza. Tujuan pembuli melakukan perkara tersebut adalah untuk menunjukkan bahawa si pembuli ini lebih berkuasa, lebih kuat dan lebih hebat daripada mangsa serta meminta untuk dihormati, ditunduk dan patuh dengan segala arahannya.



Gambar 3: Sampel buli berbentuk serangan fizikal.
Sumber: theasianparent, Michelle Goh, (2021)

Menurut Young dan Meteraud (2014), tingkah laku buli boleh diklasifikasikan kepada dua kategori iaitu bentuk fizikal dan juga verbal serta psikologi. Tingkah laku buli dalam bentuk fizikal seperti yang ditunjukkan pada gambar 3 adalah perbuatan yang melibatkan pukul-memukul, tolak-menolak, menyepak, mencubit dan sebagainya. Ianya juga boleh melibatkan penggunaan senjata, ugutan serta ancaman. Ramli (2022 b) melihat kepada keadaan generasi muda masa kini yang lebih cenderung kepada aktiviti yang tidak menentu. Manakala buli bentuk verbal dan psikologi pula lebih kepada ejek-mengejek atau mengata yang melibatkan nama, rupa paras, bentuk badan dan sesuatu kelemahan yang ada pada diri seseorang. Perbuatan sedemikian sering berlaku dalam kalangan kanak-kanak kerana akal fikiran mereka masih tidak matang sehingga tidak dapat menbezakan perkara yang baik dan buruk. Oleh itu, penulisan ini dibuat bertujuan untuk memberi pendedahan kepada masyarakat tentang penting penggunaan atau penerapan elemen animasi untuk memberi kesedaran terhadap gejala buli kepada murid prasekolah. Melalui rekaan, persepsi dan kognisi penghayat dapat digabungkan untuk memahami tindakan luaran fizikal aspek sesuatu imej yang disampaikan (Ramli 2019). Hal ini demikian kerana, sifat kanak-kanak pada masa kini lebih tertarik dengan media elektronik seperti televisyen, telefon, komputer dan sebagainya berbanding membaca buku dan komik. Hampir keseluruhan media elektronik di dunia ini menerapkan elemen animasi yang mampu menarik perhatian kanak-kanak berbanding bahan bercetak atau penulisan seperti buku yang mengandungi teks dan gambar semata-mata. Musa, Ramli, Mohd Khairuddin dan Abindinhazir (2019) menyatakan persekitaran kelas, sekolah dan tempat tinggal juga merupakan aspek penting yang perlu dititik beratkan. Oleh itu, kesedaran terhadap gejala buli dalam kalangan murid prasekolah sangat sesuai disampaikan dalam bentuk animasi. Di samping itu, elemen animasi tersebut boleh dipaparkan melalui cerita-cerita kartun yang memaparkan watak dan perwatakan serta jalan cerita yang menarik dan ia boleh dijadikan teladan kepada kanak-kanak prasekolah.

DEFINISI

Animasi bermaksud memberi nyawa kepada sesuatu imej atau dengan cara yang mudah ianya berfungsi untuk menambahkan ilusi sesuatu pergerakan supaya kelihatan seolah-olah memberi pergerakan tetapi sebenarnya tidak. Menurut Munir (2013), animasi adalah rangkaian gambar yang disusun berurutan dan dikenal sebagai bingkai, satu bingkai terdiri dari satu gambar. Jika susunan gambar tersebut ditampilkan bergantian dengan waktu tertentu maka ia akan terlihat bergerak dan apabila bertambah bingkai maka gambar yang dihasilkan menjadi semakin baik. Animasi secara ringkasnya merujuk kepada proses menambahkan pergerakan kepada imej statik atau imej pegun dengan menggunakan pelbagai kaedah. Ramli, Rambeli, Rahmatullah, Mustafa dan Yassin (2021) teknik dalam pendekatan pendidikan seni dapat meningkatkan kefahaman artistik kepada faktor penerimaan yang lebih intelek. Animasi ialah proses mereka bentuk, melukis, membuat susun atur dan penyediaan jujukan fotografi yang disepadukan dalam produk multimedia dan permainan. Animasi melibatkan eksploitasi dan pengurusan imej pegun untuk menjana ilusi sesebuah pergerakan.

Oleh yang demikian, individu yang mencipta animasi dipanggil sebagai animator dimana beliau menggunakan pelbagai teknologi komputer untuk menangkap imej pegun dan kemudian menghidupkannya dalam urutan yang dikehendaki. Oleh itu, secara keseluruhannya, animasi boleh didefinisikan sebagai satu proses menghidupkan atau memberikan gambaran bergerak kepada sesuatu yang statik agar kelihatan hidup dan dinamik. Buli ialah penyalahgunaan kuasa yang berterusan dan disengajakan dalam perhubungan melalui tingkah laku lisan, fizikal dan sosial secara berulang yang berniat untuk menyebabkan mencederakan fizikal, sosial dan psikologi seseorang (Waters & Mashburn, 2017). Buli juga bermaksud perbuatan mendera atau mempermainkan seseorang biasanya individu yang lemah dengan tujuan untuk menggertak, mencederakan dan menakutkan seseorang. Menurut Abdul Malek Abdul Rahman (2004), buli dilakukan oleh seorang pembuli iaitu samada secara individu atau secara berkumpulan atau dipanggil buli kolektif terhadap seorang mangsa atau sekumpulan mangsa.

Kebiasaannya dalam perlakuan buli, wujud ketidakseimbangan kuasa yang menyebabkan mangsa gagal untuk mempertahankan dirinya (Heinrichs, 2003) daripada didera, diperlekehkan dan dipermainkan-mainkan oleh pembuli. Sementara (Yaakub, 2006) pula mendefinisikan buli sebagai tingkah laku agresif sama ada fizikal atau psikologikal yang dilakukan secara berulang kali ke atas mangsa dan ia bertujuan mendatangkan perasaan tidak seronok. Pendidikan Prasekolah adalah satu program yang menyediakan pengalaman pembelajaran kanak-kanak yang berumur 4 dan 5 tahun dalam jangka masa satu tahun atau lebih sebelum memasuki darjah satu. Ramli (2021) perubahan terhadap kurikulum dalam penilaian yang menekankan profil, pencapaian, perkembangan dan penglibatan murid. Selain itu, Pendidikan Prasekolah juga bertujuan untuk menyediakan pengalaman pembelajaran awal kepada murid-murid yang berumur diantara empat hingga enam tahun untuk menyuburkan potensi mereka dalam semua aspek iaitu perkembangan, menguasai kemahiran asas dan memupuk sikap positif sebagai persediaan mereka sebelum masuk ke sekolah rendah.



Gambar 4: Murid Prasekolah sedang mewarna sempena Hari Kemerdekaan.

Sumber: Nor Azianti, (2023)

Pendidikan prasekolah (early childhood education) atau pendidikan awal bagi seorang anak yang diberikan pada peringkat awal kanak-kanak. Ini yang diperuntukkan untuk membantu pertumbuhan dan perkembangan jasmani. Rohani anak didik di luar lingkungan keluarga sebelum memasuki pendidikan dasar yang diselenggarakan di jalur pendidikan sekolah atau di jalur pendidikan luar sekolah. Ramli (2020 a) menyatakan objektif pembelajaran adalah untuk menunjukkan konsep identiti budaya tempatan untuk disesuaikan dengan ruang landskap sekolah. Gambar 4 menunjukkan murid prasekolah SK Tanjung Malim, yang terletak di Negeri Perak, yang berumur 5 dan 6 tahun sedang melakukan aktiviti mewarna gambar kartun yang boleh merangsang otak untuk berfikir dengan kreatif (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2011).

PERNYATAAN MASALAH



Gambar 5: keadaan murid prasekolah yang dibuli secara fizikal.

Sumber: Ohbulan! Azizi Rahman, (2020)

Sejak akhir-akhir ini masalah buli sering berlaku terutamanya dalam kalangan pelajar sekolah rendah dipelusuk sekolah yang terdapat di negara Malaysia. Melalui perkongsian data menunjukkan jumlah kes buli meningkat dari tahun 2021 hingga 2023. Jumlah kes buli yang direkodkan pada 2021 adalah 326 kes, rendah kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Namun begitu, pada tahun lepas, jumlahnya meningkat mendadak kepada 3,887 kes manakala pada tahun 2023, sehingga Oktober, jumlahnya adalah 4,994 kes. Gambar 5 menunjukkan murid yang berusia 6 tahun dibuli sehingga retak tulang hidung. Ramli (2020 b) menjana pengetahuan yang berguna dengan imej visual yang bermotivasi untuk paparan. Oleh yang demikian, semua masyarakat terutamanya ibu bapa dan guru hendaklah memainkan peranan utama untuk mengatasi masalah gejala buli ini dengan segera. Oleh itu, pada era dunia yang serba canggih terutamanya dalam bidang teknologi penggunaan animasi sangat sesuai digunakan untuk mendidik dan memberi kesedaran kepada pelajar sekolah rendah tentang gejala buli. Hal ini demikian kerana, pelajar sekolah masa kini lebih terdedah dan banyak meluangkan masa bersama telefon bimbit. Buktinya dapat dilihat berdasarkan kepada dapatan Selidik memperlihatkan peratusan peningkatan penggunaan gajet kanak-kanak serta remaja berusia lima hingga 17 tahun daripada 18.4 peratus pada 2016 kepada 47 peratus pada 2020.

Peningkatan masalah buli dalam kalangan pelajar sekolah rendah sangat membimbangkan para masyarakat kerana mereka masih kecil dan perjalanan hidup mereka masih jauh. Berdasarkan kajian antarabangsa pada tahun 2015 dari National Center for Education Statistics yang dilaporkan oleh Musu-Gillete, Zhang, Wang, Zhang dan Oudekerk (2017), didapati kes buli dalam kalangan murid di beberapa buah negara berada pada tahap yang membimbangkan. Buli ialah penyalahgunaan kuasa yang berterusan dan disengajakan dalam perhubungan melalui tingkah laku lisan, fizikal dan sosial secara berulang yang berniat untuk menyebabkan mencederakan fizikal, sosial dan psikologi seseorang. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, buli bermaksud perbuatan mendera atau mempermainkan seseorang biasanya individu yang lemah dengan tujuan untuk menggertak, mencederakan dan menakutkan seseorang. Buli mungkin dilakukan oleh seorang pembuli, iaitu secara individu, atau beberapa pembuli yang juga dikenali sebagai buli kolektif terhadap seorang mangsa atau sekumpulan mangsa (Abdul Malek, 2004).

Dalam perlakuan buli, wujud ketidakseimbangan kuasa yang menyebabkan mangsa gagal untuk mempertahankan dirinya (Heinrichs, 2003) daripada didera dan dipermainkan-mainkan oleh pembuli. Ransohoff, Ransohoff dan Brown (2006), menyatakan bahawa buli terdiri daripada empat jenis, iaitu buli fizikal, buli lisan (verbal), buli mental dan buli siber. Kajian-kajian dari dalam dan luar negara menunjukkan bahawa buli fizikal dan buli lisan (buli secara langsung) paling kerap dilaporkan berlaku di sekolah. Kebiasannya, gejala buli bermula daripada buli lisan yang dilakukan melalui ejekan, panggilan nama dan cemuhan. Selain itu, bagi buli jenis fizikal pula, ia melibatkan perbuatan seperti memukul, menendang, menyepak, menggigit, mencubit dan menampar seseorang yang boleh menyebabkan kecederaan dan kesakitan. Menurut SireEtum, Al-AminMydin, Abdul Ghani, Kanesan Abdullah (2021), kes buli fizikal ini boleh mendatangkan maut atau kematian terhadap mangsa buli jika

tidak dikawal. Kesimpulannya, kajian ini dilakukan bertujuan untuk membendung masalah gejala buli yang menular dalam kalangan murid prasekolah melalui penggunaan animasi. Hal ini bertujuan untuk memberi kesedaran dan pengetahuan kepada murid prasekolah supaya tidak terjebak dengan masalah buli di sekolah. Oleh itu, animasi digunakan oleh pengkaji sebagai media perantaraan untuk menarik perhatian dan memberi peringatan kepada kanak-kanak dan masyarakat pada semua peringkat umur.

Hubungan Kajian



Gambar 6: Situasi animasi murid prasekolah yang dibuli secara fizikal.
Sumber: Sirap Limau, Siti Aznm, (2023)

Menurut Yaakub (2006) Sejak dahulu lagi, gejala buli sering berlaku dalam kalangan murid sekolah tidak kira sekolah rendah atau menengah malah ia juga berlaku dalam kalangan murid prasekolah seperti yang ditunjuk dalam gambar 6. Masalah ini hendaklah dibendung dan diberi perhatian sejak mereka kecil lagi bak kata pepatah, melentur buluh biarlah dari rebungunya. Muhamad Firdaus Ramli, Noor Alhusna Madzlan, Abdul Aziz Zalay Zali dan Ridzuan Hussin (2020) aspek imej seni visual ditentukan oleh beberapa perkara yang terlibat dengan parameter seperti psikologi, latar belakang peribadi, aspek sosial dan emosi murid. Hal ini demikian kerana, mendidik kanak-kanak adalah umpama mencorakkan kain yang putih dengan warna yang sepatutnya. Ibu bapa haruslah berperanan mendidik dan membentuk personaliti anak-anak dengan cara yang betul agar mereka tahu untuk membezakan perkara yang baik dan buruk (Beran, 2006). Menurut Azizi, (2008) baka, bentuk badan, keadaan fizikal, kecerdasan, emosi, pengalaman awal kanak-kanak, keluarga, budaya, kawan, sekolah dan persekitaran sosial adalah beberapa faktor yang mempengaruhi personaliti seseorang. Oleh itu, ibu bapa juga hendaklah menunjukkan personaliti yang baik dan hendaklah menyemaikan nilai-nilai murni dalam diri anak-anak supaya mereka membesar menjadi insan yang berguna kepada masyarakat dan negara Brown (2014).

Seterusnya, gejala buli dalam kalangan murid prasekolah dapat dibendung dan diatasi sekiranya mereka menanam sikap toleransi dalam diri masing-masing. Toleransi ialah sikap menghargai, menghormati dan menerima idea, pendapat, atau kepercayaan yang berlainan dengan seseorang individu atau dalam kelompok. Toleransi berasal dari perkataan Latin iaitu *tolerare*, yang bermaksud sabar dan menahan diri. Toleransi ditakrifkan sebagai menerima, menghargai, tidak mencela, atau tidak merendahkan seseorang yang mempunyai perbezaan dari aspek budaya, nilai, kepercayaan atau cara hidup. Ramli dan Musa (2020 a) melihat secebis pengetahuan artistik adalah kedudukan untuk menunjukkan bagaimana perkembangan berharga berlaku melalui amalan metafora visual. Sikap toleransi biasanya menghormati hak setiap orang untuk mempunyai pendapat, keyakinan, atau cara hidup yang berbeza tanpa cuba memaksa pendirian atau nilai mereka sendiri. Jelaslah disini bahawa sikap toleransi ini harus disemai dan dipupuk dalam diri murid-murid prasekolah sejak mereka kecil lagi agar mereka dapat menghormati dan berkasih sayang antara satu sama lain. Kesannya, apabila mereka menghormati antara satu sama lain, perbuatan buli atau menyakiti seseorang tidak akan berlaku kerana wujudnya rasa belas kasihan dalam diri mereka. Perkara ini secara tidak langsung dapat membanteras gejala buli dari akar umbi dan sekali gus dapat mengeratkan hubungan silaturrahim.

IMPLIKASI KAJIAN

Impikasi merupakan antara perkara yang penting dalam melakukan sesuatu kajian untuk mengetahui kebaikan dan kelemahan kajian tersebut. Berikut merupakan antara kebaikan dan keperluan animasi terhadap kesedaran gejala buli dalam kalangan murid prasekolah.

Kebaikan dan keperluan animasi:

- a. Animasi menawarkan medium bercerita dan hiburan visual yang boleh menyampaikan maklumat serta memberi keseronokan kepada masyarakat pada semua peringkat umur di mana-mana di dunia.
- b. Animasi merupakan tempat untuk seseorang individu meluahkan ekspresi kreatif dan membolehkan pencipta menghidupkan konsep mereka melalui naratif visual.
- c. Penggunaan elemen multimedia animasi lebih mudah untuk menjelaskan konsep-konsep abstrak berbanding penggunaan elemen teks sahaja.

Keperluan memerangi gejala buli:

- a. Dapat memupuk sikap hormat-menghormati satu sama lain antara murid-murid.
- b. Membela nasib mangsa yang teraniaya daripada terus menjadi mangsa buli dan berasa takut untuk berada di khalayak ramai atau berdepan dengan seseorang.
- c. Ibu pada dan guru hendaklah menanam atau menyemai tabiat yang sihat dalam diri murid-murid agar mereka dapat membezakan perkara yang baik dan buruk.
- d. Memberikan informasi atau pengetahuan kepada siswa, guru dan orang tua tentang cara mencegah gejala buli.

KESIMPULAN

Gejala buli merupakan antara fenomena yang menular di negara kita sejak dari dahulu lagi. Namun begitu, pada suatu ketika dahulu, gejala buli yang dilakukan hanyalah secara ringan dan tidak terlalu ekstrim seperti perlakuan buli pada masa kini. Buktinya, pada tahun 2017, terdapat kes buli yang berlaku di Pulau Pinang melibatkan seorang pelajar sekolah menengah yang telah dibuli dengan sangat kejam sehingga menyebabkan kematian. Selain itu, terdapat juga mangsa buli yang telah didera secara fizikal sehingga menyebabkan kecederaan seperti ditampar, dipukul, disepak, diseterika dan sebagainya tanpa rasa belas kasihan. Oleh itu, kesan daripada perlakuan buli tersebut mendatangkan impak negatif terhadap jiwa, emosi dan mental seseorang terutamanya kanak-kanak prasekolah. Mereka juga berpotensi untuk menjadi pembuli kerana ingin melepaskan tekanan dan meraih perhatian daripada orang sekeliling. Melalui artikel Pelaporan Berita Buli dalam Akhbar Broadsheet Utusan Malaysia dan Tabloid Berita Harian di Malaysia, pada tahun 2014 telah dicatatkan seramai 49.4% kanak-kanak prasekolah telah menjadi mangsa buli. Oleh yang demikian, hal ini sangat dibimbangi oleh semua pihak terutamanya ibu bapa.

Oleh itu, semua pihak hendaklah mencari jalan penyelesaian yang berkesan untuk membendung gejala buli ini daripada berlaku secara berterusan sehingga meragut banyak nyawa. Justeru itu, animasi merupakan antara media alternatif yang berkesan digunakan untuk memberi kesedaran kepada kanak-kanak prasekolah. Menurut Nor Asiah Yaakub (2018), Pensyarah Fakulti Ekonomi dan Mualamat USIM berpendapat bahawa kanak-kanak adalah golongan yang paling mudah terpengaruh dengan apa yang mereka lihat, terutamanya apabila mereka melihat cerita animasi kerana sifat semulajadi mereka adalah sedemikian. Perkara yang kebiasannya dipengaruhi oleh kanak-kanak melalui watak-watak yang ditayangkan dalam animasi kartun adalah cara bertutur atau berkomunikasi, perlakuan tingkahlaku, adab dan cara berpakaian. Seterusnya, animasi juga merupakan faktor utama yang mempengaruhi pembentukan jati diri, pembangunan sahsiah, perkembangan kognitif dan sosial kanak-kanak prasekolah. Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa animasi sangat berkesan untuk membantu membendung gejala buli yang berlaku dalam kalangan murid prasekolah.

PENGHARGAAN

Banyak faedah dan manfaat yang telah penulis perolehi semasa berusaha menyiapkan penulisan artikel ini. Namun begitu, penulisan artikel ini tidak mungkin akan siap dengan sempurna tanpa bantuan beberapa insan yang sudi menyumbangkan idea dan pendapat serta memberi kerjasama kepada penulis. Di samping itu, pada ruangan ini, penulis ingin mengucapkan sekalung penghargaan buat Ts. Dr. Muhamad Firdaus Ramli kerana sudi membimbing dan memberi tunjuk ajar kepada penulis untuk menyiapkan penulisan artikel ini. Selain itu, ribuan terima kasih juga penulis ucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan kerana sudi berkongsi pendapat dan bertukar idea dengan penulis demi menghasilkan sebuah penulisan yang berkualiti. Akhir sekali, jutaan terima kasih diucapkan buat insan yang sangat penulis sayangi iaitu ibunda, Wan Maslina Wan Ismail yang merupakan seorang guru yang berkhidmat di SK Seribong. Ibu penulis dengan berbesar hati telah berkongsi pengalaman beliau dalam mengendalikan kes buli yang berlaku dalam kalangan murid sekolah rendah di sekolah yang telah beliau berkhidmat.

RUJUKAN

- Abdul Malek Abdul Rahman. (2004). *Kesan kaunseling kelompok latihan kemahiran social terhadap tingkah laku langsung buli di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah*. Tesis PhD yang tidak diterbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azizi Rahman. (2020). *Budak berusia 6 tahun dibuli 'Senior' sehingga retak tulang hidung, Keluarga luah rasa terkilan*. Diperoleh daripada <https://ohbulan.com/budak-berusia-6-tahun-dibuli-senior-sehingga-retak-tulang-hidung-keluarga-luah-rasa-terkilan/>
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2011). *Buku panduan kreativiti pembanguna dan amalan dalam pengajaran & pembelajaran*. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Beran, T. N. (2006). Preparing teachers to manage school bullying: The hidden curriculum. *The Journal of Educational Thought*, 40(2), 119-128. <https://www.jstor.org/stable/23767163>
- Berita Harian. (2021). *Kreatif bimbing anak menilai kandungan animasi*. Diperoleh daripada <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2021/03/797011/kreatif-bimbing-anak-menilai-kandungan-animasi>
- Brown, S. V. (2014). *Middle school teachers' perspectives of classroom bullying*. PhD dissertation. Walden University. Proquest Dissertations and Thesis.
- Heinrichs. (2003). *Perfect targets: Asperger syndrome and bullying*. Ks, USA: Autism Asperger Publishing Co.
- Kamini Narasimhan. (2018). *Buli - Sudah tiba masanya untuk Tidak Mempelajari Beberapa Pelajaran yang Dipelajari!* Diperoleh daripada <https://www.edustoke.com/ms/blog/bullying-children-stopbully-nomeansno>
- Michelle Goh. (2021). *Adakah anak anda seorang pembuli? Apa yang harus anda buat?* Diperoleh daripada <https://my.theasianparent.com/anak-seorang-pembuli>
- Muhamad Firdaus Ramli., Noor Alhusna Madzlan., Abdul Aziz Zalay Zali., & Ridzuan Hussin. (2020). COGNITIVE THERAPY TECHNIQUE OF PEOPLE WITH DISABILITIES THROUGH VISUAL ARTS EDUCATION APPROACH. *European Journal of Molecular & Clinical Medicine*, 7(2), 3952-3966.
- Munir. (2013). *Multimedia - Konsep dan Aplikasi dalam Pendidikan*. Bandung: C.V Alfabeta. Novaliendry.
- Musa, R., Ramli, M., Mohd Khairuddin, N., & Abindinhazir, Z. (2019). Eksplorasi lakaran bertema kenderaan serta kesan terhadap kreativiti kanak-kanak. *KUPAS SENI: Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni*, 7, 72-80. Retrieved from <http://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JSPS/article/view/2708>
- Musu-Gillette, L., Zhang, A., Wang, K., Zhang, J., & Oudekerk, B.A. (2017). Indicators of school crime and safety: 2016 (NCES 2017-064/NCJ 250650) National Center for Education Statistics, U.S. Department of Education, and Bureau of Justice Statistics, Office of Justice Programs, U.S. Department of Justice. Washington, DC. <https://nces.ed.gov/pubs2017/2017064.pdf>
- N. F. Yaakub. (2006) *Hentikan Buli di Sekolah Anda: Panduan Sekolah Menengah*. Petaling Jaya, Selangor: Sutrapadu.
- Nor Asiah Yaakub. (2018). *Kesan positif dan negatif rancangan animasi luar negara ke atas jati diri kanak-kanak Malaysia*. Diperoleh daripada <https://www.usim.edu.my/ms/berita/in-our-words-ms/kesan-positif-dan-negatif-rancangan-animasi-luar-negara-ke-atas-jati-diri-kanak-kanak-malaysia/>
- Nor Junainah Mohd Isa., Mohd Sobri Ismail., & Amelia Mohd Noor. (2019). *Masalah buli dalam kalangan murid: apakah kata guru?* *Jurnal Perspektif*, 11 (2), 1-14.

- Ramin Hajianfard., & Muhamad Firdaus Ramli. (2023). The Reflection of Peace and Violence in Visual Art Works of Malaysian Artists, *Peace Review*, DOI: 10.1080/10402659.2023.2188115
- Ramli, M. F.; Rambeli, N.; Rahmatulah, B, Mustafa, M, and Yassin, S. (2021). Development of Teachers in Visual Art Sketching Skills Approach in the Early Childhood Education Professionalism. *Review of International Geographical Education (RIGEO)*, 11 (5), 469-475.doi:10.48047/rigeo.11.05.48
- Ramli, M. F. (2019). Argumentasi Terhadap Pergerakan Fesyen Jalanan Tempatan. *KUPAS SENI: Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni*, 6. Retrieved from <http://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JSPP/article/view/2278>
- Ramli, M. F. (2020a). Assigning Features and Experiences During the Physical Movement Control Conditions Throughout Pandemic COVID-19. *KUPAS SENI: Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni*, 8(2), i-iv. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol8.2.editorial.2020>
- Ramli, M. F. (2020b). Addressing Experiencing Prior To Pre-Control of Physical Movement Affected by COVID-19 Pandemic Issue. *KUPAS SENI: Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni*, 8(1), i-iv. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JSPP/article/view/5497>
- Ramli, M. F. (2021). Debating Sensation of Studies During Restriction of Physical Progress Influenced by Coronavirus Disease (COVID-19). *KUPAS SENI: Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni*, 9(1), i-v. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol9.1.editorial.2021>
- Ramli, M. F. (2022a). Signifying The Continuity of Experience in Confronting the Realm of Visual Art. *KUPAS SENI*, 10, i-xi. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol10.editorial.2022>
- Ramli, M. F. (2022b). Exploration of Unity in Dignifying Reviews of Visual Art. *KUPAS SENI*, 10, i-ix. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol10.sp.editorial.2022>
- Ramli, M. F. (2023). Defining an Understanding of Art Issues from A Cross-Cultural Teaching Perspective. *KUPAS SENI*, 11(1), i-v. <https://doi.org/10.37134/kupasseni.vol11.1.editorial.2023>
- Ramli, M. F., & Musa, R. (2020a). An exploration of thematic sketch through visual arts activities towards the preschool children. *Southeast Asia Early Childhood Journal*, 9(2), 132-143. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/SAECJ/article/view/3920>
- Ramli, M. F., & Musa, R. (2020b). Ekplorasi seni visual melalui aktiviti lakaran asas terhadap kanak-kanak prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 9, 35-47. Retrieved from <http://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPAK/article/view/3712>
- Ramli, M. F., Musa, R., Mohd Khairuddin, N. E., & Basiron, N. (2020). Cultural Sharing Through Visual Art Exhibition 'Dalam Bingkai' by JSRB-UPSI with FSRD-ISBI. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 6(2), 25-34. <https://doi.org/10.37134/ejoss.vol6.2.3.2020>
- Ramli, Muhamad Firdaus and Zalay @ Zali, Abdul Aziz and Basiron, Nurazry. (2019). *Pendekatan pendidikan seni visual terhadap terapi kognitif orang kurang upaya / Muhamad Firdaus Ramli...[et al.]*. In: e-proceedings Design Decoded 2019, 19 - 20 June 2019, Mangrove Tourism Complex, Sungai Merbok 08000 Sungai Petani, Kedah.
- Ransohoff, J., Ransohoff, K., & Brown, N.L. (2006). Bullies: Who, what and why for teachers. Palo Alto Medical Foundation. <http://www.pamf.org/parenting-teens/emotions/bully-module/TeacherBullyModule0806.pdf>
- SireEtum, Al-AminMydin., & Abdul Ghani Kanesan Abdullah. (2021). *Pengaruh Pengurusan Disiplin Sekolah, Tingkah Laku Buli Murid dan Estim Kendiri Murid Terhadap Kualiti Kehidupan Murid: Suatu Pemerhatian Awal*. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6 (10), 303-312.
- Siti Aznm. (2023). *Ibu Ayah Pesan Pada Anak, Jangan Gurau Main Tarik Kerusi, Boleh Buat Lumpuh Seumur Hidup!* Diperoleh daripada <https://siraplimau.com/gurauan-buli-di-sekolah/>
- Waters, S., & Mashburn, N. (2017). An investigation of middle school teachers' perceptions on bullying. *Journal of Social Studies Education Research*, 8(1), 1-34. <https://files.eric.ed.gov/fulltext/EJ1141984.pdf>
- Young, E., & Meteraud, L. (2014). Perceptions of middle school teachers on teacher bullying. *Journal of Student Research*, 229-241. <https://minds.wisconsin.edu/handle/1793/77428>
- Zhang, Q., & Ramli, M. F. (2023). Aesthetic Education for Silver Hair: A Study of Chinese Elderly University Students' Art Learning Needs. *Journal of Education and Educational Research*, 6(3), 47-50. <https://doi.org/10.54097/0fv1m271>